

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL
[LEMBAH PANTAI]**

TARIKH : 25 NOVEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL [LEMBAH PANTAI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah perniagaan yang ditutup dari Mac hingga Oktober 2020, jumlah pekerja yang dibuang, dan adakah suntikan fiskal dan langkah-langkah lain Kerajaan setakat ini mencukupi untuk mengelakkan kesan lebih buruk terhadap ekonomi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pandemik COVID-19 ini telah menjejaskan kestabilan ekonomi negara dan mengakibatkan sektor-sektor ekonomi dalam negara menghadapi kesukaran berikutan kejatuhan mendadak permintaan dan gangguan rantai bekalan global yang seterusnya mengakibatkan penutupan operasi perniagaan dan juga pemberhentian pekerja. Terkesan akibat penularan pandemik COVID-19, KDNK negara diunjur menyusut sebanyak 4.5 peratus pada 2020 sebelum kembali melonjak antara 6.5 peratus hingga 7.5 peratus pada 2021.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Entiti perniagaan di bawah kawal selia Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) meliputi Perniagaan (Milikan Tunggal dan Perkongsian) di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956; Syarikat (Sendirian Berhad, Berhad dan Syarikat Berhad menurut Jaminan) di bawah Akta Syarikat 2016; dan Perkongsian Liabiliti Terhad di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012.

3. Berdasarkan rekod SSM bagi tempoh Mac hingga Oktober 2020, sebanyak 15,273 penamatan atau pengulungan entiti perniagaan. Namun begitu, jumlah penamatan atau pengulungan entiti perniagaan ini adalah lebih rendah berbanding tempoh yang sama bagi tahun 2019 iaitu sebanyak 21,939 entiti perniagaan. Ini terutamanya disebabkan oleh pelbagai bentuk insentif sedia ada dan insentif baharu yang telah diperkenalkan melalui Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN), PRIHATIN PKS+, Pelan Jana Semula Ekonomi (PENJANA) dan KITA PRIHATIN yang bernilai RM305 bilion. Selain itu, Kerajaan melalui SSM juga turut memberi kelonggaran syarat iaitu kenaikan ambang keberhutangan dari RM10,000 ke RM50,000 dan pelanjutan tempoh menjawab notis tuntutan daripada 21 hari ke 6 bulan. Ini secara tidak langsung dapat membantu entiti perniagaan untuk kekal menjalankan aktiviti perniagaan.

4. Terdapat syarikat atau majikan yang terpaksa mengambil langkah-langkah penjimatan kos seperti pengecilan dan penutupan sebahagian besar operasi serta melaksanakan pemberhentian pekerja demi memastikan kelangsungan perniagaan. Sehubungan dengan itu, kehilangan pekerjaan telah meningkat dengan ketara dan mencatat jumlah tertinggi iaitu seramai 18,579 orang pada Jun 2020. Ini seterusnya menyebabkan kadar pengangguran turut meningkat dan merekodkan kadar tertinggi iaitu 5.3 peratus pada Mei 2020 dengan bilangan penganggur meningkat 58.9% kepada 826,100 orang berbanding tahun sebelumnya. Namun begitu dengan pelaksanaan insentif-insentif seperti insentif PenjanaKerjaya, program peningkatan kemahiran dan latihan semula dan Program Subsidi Upah Bersasar, data kehilangan pekerjaan telah menunjukkan penurunan iaitu dari bulan Jun (18,579 pekerjaan); kepada Julai (16,660 pekerjaan); Ogos (9,261 pekerjaan); dan September (7,388 pekerjaan).

Tuan Yang di-Pertua,

5. Meskipun ekonomi Malaysia dianggarkan mengalami kerugian sebanyak RM2 bilion setiap hari dalam tempoh PKP, namun menyelamatkan nyawa rakyat merupakan tumpuan utama Kerajaan di sebalik tindakan berkenaan. Dalam menangani kesan pandemik COVID-19, Kerajaan telah mengguna pakai 6R. Strategi ini merangkumi enam tahap iaitu Ketegasan (*Resolve*), Membina Ketahanan (*Resilient*), Menjana Semula (*Restart*), Strategi Pemulihan (*Recovery*), Memperkasa (*Revitalise*) dan Menyusun Semula (*Reform*) bagi mengatasi cabaran pandemik ini.

6. Justeru, kegiatan ekonomi dijangka meningkat secara beransur-ansur pada tempoh separuh kedua tahun 2020 berikutan penarikan semula PKP secara berperingkat dan langkah-langkah rangsangan ekonomi yang telah diumumkan melalui Belanjawan 2021.

Sekian, terima kasih.